

DELEGASI SERANTAU KUALA LUMPUR



Bengkel Operasi Keselamatan Maritim Serantau bagi membincangkan cabaran penguatkuasaan dan isu kemanusiaan dalam persekitaran maritim.

Aktiviti Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) di Malaysia telah bermula sejak tahun 1940an, iaitu pada zaman pra-kemerdekaan di Malaya. Delegasi serantau ICRC Kuala Lumpur kemudiannya ditubuhkan pada tahun 1973 dan sejak tahun 2001 ia bertanggungjawab ke atas aktiviti di Malaysia, Brunei dan Singapura.

Delegasi serantau ICRC mempromosi nilai-nilai kemanusiaan, serta norma-norma dan piawai antarabangsa yang berkaitan dengan agensi-agensi kerajaan, pihak penahanan, angkatan tentera dan keselamatan, dan masyarakat madani. Kami juga berhubung rapat dengan pertubuhan-pertubuhan kebangsaan dan serantau, termasuk ASEAN, untuk

memahami isu-isu kepentingan bersama dan untuk berkongsi kepakaran teknikal, pengalaman, analisis dan sokongan-sokongan lain. Kebanyakan kerja-kerja ini dijalankan bersama dengan Jabatan dan agensi kerajaan Malaysia, Brunei dan Singapura dan bersama Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Bulan Sabit Merah Brunei dan Palang Merah Singapura.

MEMPROMOSIKAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA DAN DEBAT KEMANUSIAAN

ICRC bekerja rapat dengan badan-badan kerajaan dan Pejabat Peguam Negara dalam penintegrasian undang-undang kemanusiaan antarabangsa (UUKA) dan norma-norma lain yang berkaitan ke perundangan domestik.

ICRC juga terlibat dalam kerjasama konstruktif dengan organisasi / pelbagai hala seperti ASEAN, terutamanya melalui negara-negara yang menjadi pengerusi dan jawatankuasanya.



Penyertaan yang memberangsangkan pada seminar yang memperingati ulang tahun ke-70 Konvensyen Geneva tahun 1949 membuktikan konvensyen tersebut tetap relevan di dalam dunia hari ini.

MEMBERI SOKONGAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN ORANG YANG DILUCUTKAN KEBEBASANNYA

Di Malaysia, ICRC memberi sokongan kepada Jabatan Penjara, Jabatan Imigresen dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan di Sabah untuk membantu memenuhi keperluan tahanan.

Dengan kerjasama pihak berkuasa, kunjungan tetap terhadap tahanan dilakukan, bagi menyokong usaha pihak berkuasa untuk memastikan syarat dan layanan terhadap orang yang ditahan di pusat tahanan imigresen, pusat tahanan sementara dan penjara di dalam negara memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa. Ini termasuk usaha-usaha menggalakkan amalan kesihatan dan kebersihan yang baik, dan akses kepada aktiviti rekreasi untuk tahanan. ICRC juga menyokong pihak berkuasa untuk menghadiri forum serantau dan antarabangsa mengenai amalan terbaik dalam pengurusan kemudahan pemulihan.

Bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah

Untuk mendekati para pembuat keputusan dan pemimpin masa depan, ICRC menyokong pengajaran dan pembelajaran UUKA dan prinsip-prinsipnya di universiti, sekolah menengah dan di kalangan belia di persatuan kebangsaan Bulan Sabit Merah atau Palang Merah. Di ketiga-tiga negara ini, pelajar dan para pendidik mengambil bahagian dalam pelbagai acara tempatan dan serantau.

Kami memantau trend serantau dan aktif bersuara dalam debat kemanusiaan serantau, terutama mengenai isu-isu migrasi, pelaksanaan UUKA di peringkat domestik, hubungan tentera dengan awam serta cara dan kaedah peperangan baru (termasuk peperangan siber).

Malaysia dan persatuan kebangsaan yang lain dan juga rangkaian Pemulihan Hubungan Kekeluargaan di seluruh dunia, ICRC membolehkan tahanan berhubung semula dengan keluarga mereka.



Perlawanan bola sepak untuk tahanan yang dianjurkan oleh Penjara, dengan sokongan daripada ICRC.

BEKERJA BERSAMA DENGAN PASUKAN BERSENJATA DAN PASUKAN KESELAMATAN



Pegawai tentera dari Asia Pasifik mengaplikasikan pengetahuan mereka mengenai UUKA di dalam perancangan operasi ketenteraan dalam satu bengkel UUKA.

Kerelevanan UUKA sentiasa diperkuatkan, sehubungan dengan kemunculan teknologi baru dan landskap geopolitik yang sentiasa berubah-ubah.

Untuk memastikan kesediaan yang lebih baik dalam menangani cabaran kontemporari, ICRC terus memberi sokongan dalam penyebaran UUKA kepada pegawai dan anggota tentera di Malaysia, Brunei dan Singapura melalui Kolej Pertahanan dan Staf Ketenteraan, unit latihan dan eksesais ketenteraan.

Di Malaysia kami bekerjasama dengan Pusat Peperangan Bersama (PESAMA) untuk semakan doktrin dan di Pusat Latihan Pengaman Malaysia di Port Dickson untuk

latihan pra-penugasan untuk pegawai tentera Malaysia dan Brunei serta pemerhati PBB.

Kami juga menganjurkan seminar dan bengkel untuk semua peringkat Angkatan Tentera Malaysia bagi mempertingkatkan pemahaman dan pelaksanaan UUKA dalam operasi mereka. ICRC menyediakan input dalam perancangan dan pelaksanaan latihan serta memainkan peranan sebagaimana yang dimandatkan semasa eksesais ketenteraan.

Pusat Undang-undang Tentera dan Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa telah ditubuhkan dengan kerjasama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan dengan sokongan Kementerian Pertahanan Malaysia. Pusat ini menjadi pusat setempat bagi menggalakkan penyebaran pengetahuan dalam undang-undang tentera dan UUKA di kalangan anggota Angkatan

Tentera Malaysia dan angkatan tentera serantau dan komuniti undang-undang, dengan tujuan untuk membina kapasiti tempatan di rantau ini.

Bekerjasama rapat dengan Polis Diraja Malaysia, Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (MMEA), ICRC menyebarkan dan berkongsi kepakaran tentang standard kepolisan antarabangsa, termasuk pengurusan ketenteraman awam.

Pegawai tentera dari ESSCOM atau pasukan penguatkuasaan peronda sempadan turut menghadiri acara-acara seperti ini. Di samping itu, ICRC mengekalkan dialog dengan sekretariat ASEANAPOL untuk mempromosikan pengetahuan, pemahaman dan penerimaan mandatnya di kalangan negara-negara anggota.

DIPLOMASI KEMANUSIAAN

ICRC menawarkan kepakaran praktikalnya dalam hal-hal kemanusiaan dan UUKA melalui cara-cara operasi dan diplomatik dengan menyertai forum pelbagai hala yang utama seperti Forum Ekonomi Dunia, ASEAN, Dialog Shangri-La dan Meja Bulat Asia Pasifik.

Kami juga mengekalkan dialog berterusan dengan pegawai meja ASEAN di Malaysia, Singapura dan Brunei serta entiti berkaitan ASEAN yang lain seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia antara ASEAN (AICHR), Yayasan ASEAN dan Suruhanjaya ASEAN untuk Hak Wanita dan Kanak-kanak (ACWC).



Bekerjasama dengan pihak berkuasa, ICRC mempromosikan Konvensyen Geneva dan Protokol Tambahan mereka yang membentuk teras undang-undang kemanusiaan antarabangsa.

Penglibatan rapat dengan badan pemikir utama, seperti Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) dan MiDAS di Malaysia dan di Singapura dengan Sekolah Pengajian Antarabangsa S.Rajaratnam (RSIS) juga penting untuk kerja kami di rantau ini.

ICRC terlibat dengan aktor kemanusiaan, termasuk NGO agama dan ahli akademik, untuk bertukar pengalaman dan amalan terbaik mengenai tindakan dan prinsip kemanusiaan. Kami juga bekerjasama rapat dengan media untuk menyumbang kepada liputan media tentang berita kemanusiaan.



Sukarelawan belia di Bulan Sabit Merah Malaysia berkongsi pengalamannya semasa berkomunikasi tentang Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah.

BEKERJASAMA DENGAN PERGERAKAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH

ICRC bekerjasama rapat dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), Palang Merah Singapura (SRC) dan Bulan Sabit Merah Brunei (BRCS) dalam pelbagai bidang termasuk mempromosikan UUKA, Memulihkan Hubungan Kekeluargaan (RFL), dan komunikasi awam.

Bekerjasama dengan Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC), ICRC membantu ketiga-tiga persatuan kebangsaan untuk mengukuhkan kapasiti mereka dan untuk menggalakkan prinsip-prinsip asas pergerakan.

Kami membantu dalam mewujudkan mekanisme dan platform yang memudahkan respon kemanusiaan Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah di seluruh rantau ini.

Dengan bekerjasama dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, delegasi in mengekalkan kehadirannya di Sabah, yang berusaha memperkukuhkan pemahaman

tentang keperluan kemanusiaan masyarakat yang rentan dan cara-cara membangunkan respon yang sesuai.



Sukarelawan Palang Merah Singapura merayakan ulang tahun ke-70 Konvensyen Geneva yang mencerminkan nilai sejagat tingkah laku beretika.